

# Cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender (Gender-based Violence – GBV), jika tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender yang tersedia di kawasan anda:

## Panduan Poket langkah demi langkah untuk pekerja kemanusiaan – Versi 2.0

Pada September 2015, Garis Panduan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi (Inter-Agency Standing Committee – IASC) bagi Mengintegrasikan Intervensi Keganasan Berasaskan Gender dalam Situasi Kemanusiaan (Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender) telah dilancarkan. Sepanjang 2016 dan 2017, Pasukan Sokongan Pelaksanaan Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender telah melalui lebih 2,500 pekerja kemanusiaan dari 11 sektor dan 18 negara, tentang cara mengurangkan risiko Keganasan Berasaskan Gender dalam perancangan mereka.

Peserta latihan dari berbagai bidang dan sektor telah menyatakan keperluan bagi sumber yang menerangkan **cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender jika tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender (termasuk laluan rujukan atau pakar Keganasan Berasaskan Gender/tempat tumpuan) di kawasan mereka**. Setelah menilaikan pendapat ahli-ahli lain dan mekanisme penyelaras yang ada, keperluan ini didapati penting dalam memandu berbagai situasi berbeza dan berbilang jenis pekerja.

Dengan itu, Kumpulan Kerja bersama di bawah Kumpulan Rujukan Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender dan Bahagian Tanggungjawab Keganasan Berasaskan Gender, telah merangka pakej sumber tentang cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender, jika tiada laluan rujukan Keganasan Berasaskan Gender atau tempat tumpuan Keganasan Berasaskan Gender ("Panduan Poket"), untuk mengiringi Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender. Pakej sumber ini telah dirangka oleh ahli-ahli pakar dalam Kumpulan Kerja, penilai semula luar, dan peserta konsultasi dari September 2017 ke Februari 2018; sumber ini turut diajarkan dengan alat-alat global yang sedia ada seperti Peneman Tetap Keganasan Berasaskan Gender Shelter Cluster dan Garis Panduan bagi Menjaga Mangsa Terselamat Kanak-kanak Penderaan Seksual oleh IRC/UNICEF.

**Pakej sumber Panduan Poket Februari 2018** tersedia dalam versi cetakan, dalam talian dan aplikasi mudah alih dalam bahasa Arab, Inggeris, Perancis dan Sepanyol.

## Mengenai Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender

Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender 2015 (disemak daripada versi 2005) adalah alat praktikal teruji yang dapat memandu pekerja kemanusiaan dan komuniti yang terjejas oleh konflik dan bencana alam untuk mengurangkan risiko Keganasan Berasaskan Gender – bagi menghasilkan program yang lebih selamat dan berkesan. Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender disediakan untuk bukan pakar Keganasan Berasaskan Gender, yang sememangnya layak dan harus berusaha untuk mengurangkan risiko Keganasan Berasaskan Gender dalam operasi sehari-hari sektor mereka. Strategi Pelaksanaan tiga tahun sedang dijalankan untuk memaksimumkan penglibatan, kesedaran dan penerimaan berkenaan Garis Panduan Keganasan Berasaskan Gender.

## APAKAH TUJUAN PAKEJ SUMBER PANDUAN POKET INI?

Tujuan pakej sumber ini adalah untuk menyediakan semua pekerja kemanusiaan dengan maklumat tepat dalam panduan yang mudah diikuti dan mudah dibawa bersama tentang:

- Cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender yang telah membuat pendedahan kepada anda, jika **tiada pekerja Keganasan Berasaskan Gender** (termasuk laluan rujukan atau tempat tumpuan Keganasan Berasaskan Gender) yang tersedia di kawasan anda.

Pakej sumber ini mematuhi standard global dalam menyediakan sokongan asas dan maklumat kepada mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender tanpa memburukkan lagi situasi. Kami menyarankan perkhidmatan pakar Keganasan Berasaskan Gender untuk menyesuaikan sumber ini dengan konteks di tempat anda.

## APA YANG TERMASUK DALAM PAKEJ SUMBER PANDUAN POKET INI?

- 1. Nota Latar** ini menerangkan sumber dan mesej penting dalam pelaksanaan dan penyelaras.
- 2. Lembaran Petua Pengguna**, bagi kegunaan pengurus program, penyelaras teknikal, ketua pasukan, dan ahli-ahli lain dalam semua sektor, untuk membantu mereka mengarahkan dan membina keupayaan pasukan mereka dengan menggunakan Panduan Poket bagi menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender, jika mangsa terselamat itu mendedahkan situasi mereka atau meminta sokongan.
- 3. Panduan Poket**, dimaksudkan untuk pekerja barisan hadapan dalam semua kluster/sektor, sebagai rujukan mudah dalam cara untuk menyokong mangsa terselamat Keganasan Berasaskan Gender yang meminta sokongan, jika tiada pekerja keganasan berdasarkan gender/laluan rujukan yang tersedia di kawasan tersebut.

(belakang)

## **SIAPA YANG BOLEH GUNAKAN PANDUAN POKET INI?**

Panduan Poket ini disediakan untuk bukan pakar Keganasan Berasaskan Gender di barisan hadapan yang berkhidmat untuk komuniti terjejas, termasuk pekerja kebersihan, pekerja kesihatan komuniti, pengurus kem, tempat tumpuan perlindungan dll.

## **APA YANG TERKANDUNG DALAM PANDUAN POKET INI?**

Panduan Poket ini adalah sumber praktikal yang boleh digunakan oleh pekerja kemanusiaan bagi menyokong mangsa terselamat yang telah mendedahkan pengalaman mereka. Ia mengandungi carta alir yang mudah dibaca, rujukan pantas Ya dan Jangan, serta navigasi cepat ke tindakan langkah demi langkah yang perlu diambil menurut rangka kerja bersedia, pandang, dengar, dan hubung.

Panduan Poket ini meliputi peruntukan bagi kanak-kanak dan remaja, kumpulan seksual dan gender minoriti/LGBTQI, mangsa terselamat hilang upaya, serta mangsa terselamat lelaki.

## **DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATNYA?**

→ **Dalam talian** di [www.gbvguidelines.org](http://www.gbvguidelines.org) dan [www.gbvaor.net](http://www.gbvaor.net) dalam versi resolusi tinggi dan rendah, untuk dicetak.

→ **Muat turun** di Google Play atau di kedai iTunes. Cari "Panduan Poket Keganasan Berasaskan Gender."

## **Mesej penting dalam pelaksanaan dan penyelarasan**

1. Semua pekerja kemanusiaan wajib mengintegrasikan langkah pengurangan risiko Keganasan Berasaskan Gender dalam Garis Panduan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi bagi Keganasan Berasaskan Gender, untuk meningkatkan keberkesanan respons kemanusiaan dalam semua sektor.
  - a. Selaras dengan prinsip "Jangan Buat Jahat" dan Pemusatkan Perlindungan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi, pekerja kemanusiaan dalam semua sektor perlu merangka dan melaksanakan perancangan yang dapat mengurangkan risiko Keganasan Berasaskan Gender, selain memastikan akses bagi kumpulan paling berisiko.
  - b. Jika program lebih selamat dan mudah diakses, lebih ramai orang dapat memanfaatkannya, dan hasil akan bertambah baik; dan sebaliknya, jika masalah Keganasan Berasaskan Gender gagal ditangani, keberkesanan intervensi kemanusiaan dalam semua sektor akan terjejas.
2. Ketidaksamaan gender yang sedia ada meningkatkan risiko bagi wanita dan kanak-kanak perempuan dalam krisis seperti ini, dan menambahkan pendedahan mereka kepada berbagai jenis Keganasan Berasaskan Gender, termasuk keganasan seksual, keganasan rumah tangga, perkahwinan paksa, serta eksloitasi dan penderaan seksual.
  - a. Wanita dan kanak-kanak perempuan dari keluarga yang tidak mampu memenuhi keperluan asas mereka terpaksa menggunakan kaedah bertahan berbahaya, yang boleh meningkatkan pendedahan mereka kepada Keganasan Berasaskan Gender.
  - b. Kekurangan penglibatan wanita dan kanak-kanak perempuan menyebabkan keperluan dan akses mereka kepada perkhidmatan sering kali dilupakan dalam penyediaan bantuan kemanusiaan.

**MEMANDANG KE HADAPAN:** Kumpulan Kerja akan meluaskan sumber untuk merangkumi perkhidmatan mudah alih, perkhidmatan yang perlukan pengangkutan untuk diakses, atau perkhidmatan maya seperti talian penting atau perbualan sulit dalam talian. Pakar-pakar Keganasan Berasaskan Gender juga akan mengkaji model penyampaian perkhidmatan yang baharu bagi menangani, mencegah dan mengurangkan Keganasan Berasaskan Gender. Kumpulan kerja bersama akan membina lebih banyak alat dan sumber bagi memenuhi keperluan ini.

**PENGLIBATAN:** Jika anda ingin menggunakan Panduan Poket di kawasan anda atau ingin melibatkan diri dalam usaha mengurangkan risiko Keganasan Berasaskan Gender dalam situasi kecemasan, hantarkan e-mel ke [gbv.guidelines@gmail.com](mailto:gbv.guidelines@gmail.com).

**PENGHARGAAN:** Kumpulan Kerja ingin berterima kasih atas sokongan teknikal dan penyelarasan oleh penilai semula luar dan peserta konsultasi yang terlibat dalam menyediakan pakej sumber ini termasuk ACF, Kluster Penyelarasian Kem dan Pengurusan Kem, Bidang Tanggungjawab Perlindungan Kanak-kanak, Kumpulan Kerja Antara Agensi bagi Kesihatan Reproduktif dalam Krisis, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, IRC, Konsortium bagi Keganasan Berasaskan Gender di Ireland, IOM, Sekolah Kebersihan dan Perubatan Tropika London, OXFAM, Shelter Cluster, Trócaire, UNFPA di Seluruh Rantau Syria, UNHCR, UNICEF Sudan Selatan, Kluster WASH, World Vision Sudan Selatan, WFP Sudan Selatan, Suruhanjaya Pelarian Wanita.

**Untuk maklumat lanjut, lawati [www.gbvguidelines.org](http://www.gbvguidelines.org).**